

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KADAR AIR TIDAK BERHASIL (NRW)**

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar NRW di Selangor pada tahun 2019 dan bandingkan prestasi ini dengan kadar NRW sebelum ini.
  
- b) Apakah faktor kepada perkembangan penurunan atau peningkatan NRW ini?

**JAWAPAN:**

- a) Peratusan kadar NRW pada tahun 2019 (purata sehingga Ogos 2019) berada ditahap 28.67% dengan penurunan sebanyak 1.84% berbanding purata tahunan 2018 yang berada pada tahap 30.51%.
  
- b) Faktor yang mendorong penurunan kadar NRW adalah disebabkan pelaksanaan inisiatif – inisiatif yang dilaksanakan Air Selangor seperti berikut:
  - 1) Program mencari dan memperbaiki kebocoran secara berterusan
  - 2) Program pengawalan tekanan sistem yang berterusan
  - 3) Program penukaran meter rosak dan berusia
  - 4) Usaha pengawalan “System Input Volume” (SIV)
  - 5) Usaha menurunkan kekerapan kes paip pecah
  - 6) Program penggantian paip lama dan paip komunikasi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAWALAN HARGA TEMPAT LETAK KERETA**

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan melalui PBT pada masa ini mengawal kadar bayaran yang dikenakan oleh operator tempat letak kereta?
- b) Jika ya, apakah peruntukan undang-undang yang membenarkan tindakan ini?
- c) Jika ya, apakah garis panduan ataupun asas untuk menetapkan kadar bayaran yang dikawal?

**JAWAPAN:**

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali:

Pada masa ini, PBT hanya mengawal kadar bayaran tempat letak kereta di bawah pentadbiran PBT sahaja. Bagi kadar bayaran tempat letak kereta di atas tanah persendirian, ia ditentukan oleh Syarikat Operator yang beroperasi. Walau bagaimanapun, Undang-Undang Kecil 10 (UUK) Tempat Letak Kereta Persendirian (2005) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menetapkan setiap kadar yang dikenakan hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa melesen (PBT)

Untuk makluman juga, peruntukan undang-undang yang diguna pakai oleh PBT adalah berdasarkan Perenggan 56 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) 2007 di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Undang-Undang Kecil 10 (UUK) Tempat Letak Kereta Persendirian (2005) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kadar bayaran yang ditentukan oleh PBT akan diputuskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh dengan mengambil kira pelbagai faktor bagi memastikan kadar tersebut adalah munasabah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : CSR MBI**

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa Jumlah dana digunakan oleh MBI untuk Program CSR setiap Tahun?
- b) Dalam Skop dan bidang apa?

**JAWAPAN:**

- a) Sumbangan CSR dibawah bidang kuasa pengurusan MBI yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI adalah sebanyak RM8 juta.
- b) Skop bidang yang terlibat adalah seperti perincian berikut:-
  - i. Pendidikan
  - ii. Sosial dan kemasyarakatan
  - iii. Kesihatan /perubatan
  - iv. Sukan
  - v. Kebudayaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : ISU PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu pembuangan sampah haram semakin serius terutamanya di kawasan perindustrian, hukuman RM1000 dan sitaan lori terlalu ringan dan kurang berkesan untuk mengatasi masalah ini. Apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan demi mengawal situasi ini?

**JAWAPAN:**

- a) Antara usaha PBT dalam mengawal aktiviti pembuangan sampah haram di tempat yang tidak dibenarkan bagi mengawal situasi ini adalah:-
1. PBT menjalankan rondaan/pemantauan berkala dan menjalankan operasi di kawasan *hotspot* dengan pakaian preman;
  2. PBT bekerjasama dengan masyarakat setempat bagi mendapatkan maklumat dan tindakan penangkapan terhadap pesalah;
  3. PBT dengan kerjasama PDT akan melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak Pelupusan Dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor mengikut *Standard Operation Procedure* (SOP) yang diperkenalkan melalui Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) Bil.1/2019;
  4. PBT telah memulakan penggunaan kamera litar tertutup mudah alih (*Mobile CCTV*) di lokasi-lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram untuk dijadikan bukti kukuh bagi membawa pesalah ke peringkat pendakwaan; dan
  5. Menyita kenderaan pengangkut sampah/ lori yang membuat kesalahan serta mengenakan kompaun maksimum dan kos operasi penguatkuasaan sitaan lori.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KEDAI MAKAN**

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat perancangan pemutihan ke atas kedai-kedai makan tanpa lesen yang beroperasi di atas tanah-tanah bukan rizab komersil?

**JAWAPAN:**

- a) Program pemutihan ke atas kedai-kedai makan tanpa lesen ini adalah bagi melesenkan premis-premis luar bandar yang tidak mempunyai Kebenaran Merancang dan Sijil Layak Menduduki Bangunan. Mana-mana permohonan yang menjalankan perniagaan akan diberikan notis untuk memohon lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan. Lesen boleh ditarikbalik sekiranya ada aduan atau apa-apa kepentingan awam di kawasan tersebut atau melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh PBT. Kelulusan lesen perniagaan adalah tertakluk untuk tujuan aktiviti perniagaan sahaja dan tidak tertakluk untuk lain-lain kelulusan (KM, CF/CCC dll).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DI BUKIT BERUNTUNG**

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan terhadap pencerobohan tanah milik kerajaan seluas 60 hektar di Bukit Beruntung, Hulu Selangor yang telah dicerobohi warga asing untuk tujuan pertanian sejak 10 tahun yang lepas dan didedahkan oleh Berita Harian pada September 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Pencerobohan tanah yang berlaku di Bukit Beruntung melibatkan seluas lebih kurang 80 hektar tanah di mana hanya lebih kurang 12 hektar melibatkan tanah kerajaan dan selebihnya (68 hektar) merupakan tanah milik persendirian. 12 hektar tanah kerajaan yg diceroboh merangkumi tanah rizab jalan, rizab TNB dan rizab tanah lapang.

Pada 29 Julai 2019, Notis dibawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan dan disusuli dgn Notis Peringatan pada 20 Ogos 2019. Pada September 2019, sebahagian tanah kerajaan yang diceroboh dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara iaitu seluas 1.75 ekar yang terletak di bawah rentis talian elektrik TNB. Selepas pengenalpastian sempadan tanah kerajaan dan tanah milik dibuat, satu operasi bersepadu bersama beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang lain iaitu Polis Diraja Malaysia, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, Tenaga Nasional Berhad, Air Selangor, dan Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah diadakan pada 2 dan 3 Oktober 2019.

Bagi mengelakkan masalah pencerobohan tanah kerajaan ini daripada berulang, pihak Majlis Daerah Hulu Selangor dan Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor bekerjasama menjalankan rondaan berkala di tapak tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : LESEN PENJAJA TEPI JALAN**

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah penjaja tepi jalan yang berlesen/permit di seluruh MBPJ?
- b) Berapakah penjaja tepi jalan yang berlesen/permit di seluruh MBPJ yang baru bermula berniaga pada tahun 2018 dan 2019?
- c) Apakah garis panduan MBPJ untuk mengeluarkan lesen ini?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 115 penjaja tepi jalan yang berlesen/ permit di seluruh MBPJ
- b) Sebanyak 23 penjaja tepi jalan yang berlesen/ permit di seluruh MBPJ pada tahun 2018. Sebanyak 32 penjaja tepi jalan yang berlesen/ permit di seluruh MBPJ pada tahun 2019.
- c) Dilampirkan garis panduan MBPJ untuk mengeluarkan lesen ini

